

# Gesaan semak semula keputusan pendekkan tempoh khidmat Naib Canselor UMS

DE 26.6.2019 2  
**Gindau Sakat**

KOTA BELUD: Sekumpulan penyokong PKR di sini menuntut supaya Kerajaan menyemak semula keputusan Kementerian Pendidikan untuk memendekkan tempoh perkhidmatan Naib Canselor UMS Prof Datuk Dr Kamarudin Mudin.

Jurucakap mereka, Idek Asal, yang juga penasihat bahagian parti, menegaskan bahawa ia perlu untuk mencegah orang awam daripada mengesyaki bahawa terdapat campur tangan politik dalam pengurusan institusi pengajian tinggi.

Beliau berkata kumpulan itu mencadangkan supaya Kamarudin dibiarkan untuk melengkapkan tempoh perkhidmatannya yang akan tamat pada tahun hadapan.

“Lagi pun, tiada sebab diberikan ke-

napa tempoh perkhidmatannya dipendekkan,” katanya.

Kamarudin dilantik sebagai Naib Canselor universiti itu pada 2017, apabila kerajaan Barisan Nasional masih memegang kuasa. Beliau baru-baru ini mengesahkan bahawa tempoh perkhidmatannya dipendekkan oleh Kementerian Pendidikan dan akan meninggalkan pejabat itu pada 29 Julai.

Kamarudin dilaporkan berkata, beliau dipaksa untuk membuat pengumuman itu lebih awal bagi mencegah khabar angin negatif berhubung isu tersebut.

Tetapi beliau juga berkata bahawa perubahan dalam pengurusan organisasi kerajaan merupakan satu proses normal dan universiti akan sentiasa mengiktiraf dan menerima keputusan kementerian.